

10 APR 1996

Ting-Rumah

KERAJAAN BERI GERAN RM86 JUTA BAGI INFRASTRUKTUR RUMAH KOS RENDAH

KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Kerajaan pusat bersetuju memberi geran RM86 juta kepada kerajaan-kerajaan negeri bagi menyiapkan kemudahan infrastruktur kepada projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) yang belum siap dalam Rancangan Malaysia Keenam (RM-6).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh berkata perkara itu dipersetujui dalam mesyuarat kabinet hari ini bagi menyiapkan rumah kos rendah yang belum siap sejak RM-6.

Ini bertujuan menyiapkan jalan, saluran dan kemudahan asas lain sebagai sambungan kepada projek PAKR yang mula dibina atau dalam proses pembinaan pada tempoh berkenaan, katanya kepada pemberita selepas mesyuarat kementeriannya.

Beliau berkata semasa Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) nanti semua projek PAKR oleh kerajaan-kerajaan negeri dijangka diambil alih oleh swasta.

Bagaimanapun, katanya, projek kos rendah yang dijalankan oleh agensi-agensi kerajaan seperti Perbadanan Kemajuan Negeri akan diteruskan.

Dr Ting berkata masih terdapat 40,000 rumah dan kemudahan bagi rumah kos rendah yang belum siap, 29,000 daripadanya membabitkan rumah kos rendah secara langsung dan bakinya bagi kemudahan asasnya.

Beliau berkata berdasarkan cadangan kementerian, bagi RM-7 jadual sasaran kerajaan ialah membina 70 peratus rumah kos rendah dan sederhana, manakala 30 peratus rumah mewah. Kerajaan tidak menghalang jika pihak swasta hendak membina rumah kos mewah lebih daripada jumlah itu.

Katanya ia membabitkan pembinaan sebanyak 800,000 unit rumah kos rendah berharga antara RM25,000 dan RM60,000 oleh pihak swasta.

Beliau berkata dalam RM-6 juga kerajaan berjaya membina kira-kira 343,000 unit rumah kos rendah atau 70 peratus daripada jangkaan.

Katanya pada keseluruhannya sebanyak 600,000 unit rumah dibina dalam RM-6 yang melebihi sasaran 573,000 tetapi kurang daripada segi rumah kos rendah.

Dr Ting berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan membuat pengumuman mengenai perkara itu tidak lama lagi. -- BERNAMA

HT NMO